



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Bil. 72 / 2020

**PENGISYTIHARAN PROKLAMASI DARURAT :
PEMBATALAN DAN PENANGGUHAN
PILIHAN RAYA KECIL (PRK)
PARLIMEN P.054 GERIK, PERAK DAN
DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN) N.66 BUGAYA,
SABAH**

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) akur dengan keputusan dan kenyataan YAB Tan Sri Dato' Hj. Muhyiddin Bin Hj. Mohd. Yassin, Perdana Menteri Malaysia dengan pengisytiharan Proklamasi Darurat berdasarkan Fasal (1) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan bagi membolehkan suatu ordinan dimashyurkan di bawah Fasal (2B) Perkara 150 untuk membatalkan tarikh yang telah ditetapkan bagi menjalankan PRK bagi Parlimen P.054 Gerik Perak dan DUN N.66 Bugaya Sabah, selepas diperkenankan oleh KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah.
2. Sehubungan dengan pengisytiharan ini juga apa-apa prosiding yang telah bermula bagi maksud perjalanan **PRK bagi Parlimen P.054 Gerik, Perak dan DUN N.66 Bugaya, Sabah** tidak akan

diteruskan dan satu tarikh yang lain akan ditetapkan untuk PRK tersebut.

Sekian, harap maklum.

DATUK ABDUL GHANI SALLEH

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR)

Tarikh: 16 Disember 2020 / 1 Jamadilawal 1442H